

# Johor komersial daun kelor

Rancang tanam di setiap TKPM sebagai tanaman selingan



Ismail (berdiri, kiri) menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara Jabatan Pertanian, UTHM dan LMC Sdn Bhd untuk kerjasama projek tanaman kelor.

**BATU PAHAT** - Kerajaan negeri mula menanam 1,000 pokok daun kelor atau nama saintifiknya *moringa oleifera* di Pusat Pertanian Ayer Hitam di sini, sebagai projek perintis di negeri ini untuk dikomersialkan.

Pokok berkenaan yang cukup popular dalam kalangan masyarakat India kerana mempunyai banyak khasiat bagi penjagaan kesihatan, turut dirancang untuk dieksport ke negara China.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Ismail Mohamed berkata, pihaknya merancang setiap Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di negeri ini akan menanam pokok berkenaan sebagai tanaman selingan.

Menurutnya, buat masa ini pokok itu akan ditanam di TKPM sekitar Batu Pahat dan Kluang dahulu sebagai perintis, sementara Pusat Pertanian Ayer Hitam akan melaksanakan kajian dan penyediaan benih bagi tanaman herba berkenaan.

"Saya difahamkan di Sarawak tanaman moringa ini sudah popular dan jika kita berjaya mengomersialkannya kita akan

**INFO** • Daun kelor atau nama saintifiknya *moringa oleifera* mempunyai banyak khasiat untuk kesihatan

jadi negeri kedua di negara ini, selain kita mahu tanah TKPM negeri yang seluas 1,300 hektar ditanam dengan pokok ini.

"Kita juga mengadakan kerjasama dengan beberapa pihak lain untuk kajian dan juga pemrosesannya seperti Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Living Micro Corporation Sdn Bhd (LMC)," katanya ketika program Gelombang Tani Nasional 2017, semalam.

Turuthadir, Pengarah Pertanian Johor, Ahmad Kamil Mohd Yunus dan Pengarah Endowment dan Wakaf UTHM, Profesor Dr Wan Zahari Wan Yusoff.

Ismail berkata, projek tanaman itu akan mempopularkan Johor sebagai hab pertanian di negara ini, selain menjadi rujukan pihak lain sekiranya mahu berjinak-jinak dengan tanaman herba berkenaan.

Katanya, kerajaan negeri tidak mempunyai masalah untuk mana-mana petani mengusahakan tanaman itu di negeri ini, namun sebaiknya dilaksanakan dengan

kerjasama jabatan berkaitan.

"Saya diberitahu oleh pihak Jabatan Pertanian ada 214 petani dan usahawan yang berminat, ia suatu perkara yang baik kerana masing-masing mahu mencari kelainan.

"Setelah empat bulan pokok daun kelor ini ditanam di Ayer Hitam, kita dapat lihat ia tidak bermasalah untuk dijadikan tanaman komersial dan hasilnya sudah mula dituai," katanya.



**HEBAHKAN**  
AKTIVITI KOMUNITI ANDA?  
azwanl@sinarharian.com.my



**KLIK**

**BERJAYA** Peserta  
BP Endurance menun